


# Akta Profesion Kerja Sosial iktiraf bidang kerja sosial di Malaysia

UB 15.10.2019 6

**KOTA KINABALU:** Akta Profesion Kerja Sosial yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada Disember ini memberi pengiktirafan yang tinggi kepada bidang kerja sosial di Malaysia, khususnya apabila langkah berkenaan dijangka menyaksikan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan memberikan fokus kepada skop tugas pekerja sosial.

Demikian menurut Ketua Program Kerja Sosial, Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Dr Peter Voo ketika mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di Dewan Rakyat baru-baru ini mengenai usaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) untuk mewujudkan akta terbabit.

Katanya, dengan kewujudan akta itu bukan sahaja mengiktiraf program kerja sosial yang sama seperti kumpulan peguam dan doktor, malah turut membuka peluang kepada graduan kerja sosial untuk mengisi keperluan terhadap perkhidmatan kerja sosial.



**PETER**

“Akta ini sememangnya wajar kerana bidang dan perkhidmatan kerja sosial amat penting dalam menangani cabaran dan permasalahan sosial dalam masyarakat yang semakin meruncing, dan langkah ini adalah satu perkembangan yang baik memandangkan program kerja sosial sememangnya sudah terkenal di negara-negara maju seperti di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia.

“Universiti awam seperti UMS juga bersedia untuk membantu kerajaan dalam mengisi keperluan sumber manusia dalam bidang kerja sosial kerana saban tahun UMS melahirkan graduan

mahir dan terlatih dalam bidang ini,” katanya.

Dr. Peter menambah, di UMS, program kerja sosial wujud sejak tahun 2004 dan melahirkan lebih 900 orang graduan terlatih dalam bidang kerja sosial dan ramai daripada graduan bidang kerja sosial UMS kini berkhidmat di hospital kerajaan dan organisasi bukan kerajaan (NGO) sebagai pekerja sosial.

“Pendidikan dan latihan dalam bidang kerja sosial di institusi pendidikan tinggi yang menawarkan program kerja sosial adalah bersesuaian dan memenuhi piawaian pendidikan dan latihan kerja sosial serta berkebolehan memberikan perkhidmatan dan intervensi kepada golongan sasaran individu, kumpulan dan komuniti yang berhadapan dengan masalah sosial,” katanya.

Melalui pembentangan akta itu, Dr. Peter berharap kerajaan melalui agensi Jabatan Perkhidmatan Awam dapat memberi pengiktirafan kepada pelajar lulusan program kerja sosial dalam memberi keutamaan untuk diambil bekerja di jabatan kerajaan yang memberikan khidmat sosial dan kebajikan sosial.